

SOALAN NO : 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah bilangan orang yang mempunyai anugerah gelaran "Dato', Datuk, Dato Paduka, Dato' Seri, Tan Sri dan Tun" mengikut 13 negeri-negeri, Wilayah Persekutuan dan kategori masing-masing setakat ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat Persekutuan , jumlah pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran 'Tun', 'Tan Sri' dan 'Datuk' termasuk penerima yang telah meninggal dunia adalah seramai 2,049 penerima. Pecahan pengurniaan mengikut jenis kurniaan adalah seperti berikut:

JENIS KURNIAAN	GELARAN	JUMLAH PENERIMA
Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)	Tun	39
Seri Setia Mahkota (S.S.M.)	Tun	43
Panglima Mangku Negara (P.M.N.)	Tan Sri	134
Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)	Tan Sri	802
Panglima Jasa Negara (P.J.N.)	Datuk	862
Panglima Setia Diraja (P.S.D.)	Datuk	169
Jumlah		2,049

Jumlah kurniaan di atas adalah tertakluk kepada had kurniaan yang ditetapkan di dalam statut Darjah Kebesaran masing-masing.

Bagi pengurniaan Darjah Kebesaran di peringkat negeri, ia adalah kuasa prerogatif Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan rekod penerima diselaraskan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

Sekian. Terima kasih.